



**CERAMAH
ARIF BUDIMAN 10**


Takkan Melayu Hilang di
Dunia: Realiti dan Harapan

21 September 2013



**PROFESOR DR
ARNDT GRAF**

Jabatan Pengajian
Asia Tenggara
Goethe-University Frankfurt,
German



BIOGRAFI

Profesor Dr Arndt Graf mendapat pendidikan awal di Universiti Hamburg, Jerman, Universitas Gadjah Mada di Yogyakarta, Indonesia; dan School of Oriental and African Studies (SOAS) di London, United Kingdom. Pada 1997, beliau memperoleh ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang Bahasa dan Budaya Austronesia dari Universiti Hamburg, Jerman.

Di Universiti Hamburg beliau telah mendapat gelaran Doktor Falsafah Habilitation pada tahun 2004, berdasarkan tesis PhD beliau yang kedua. Ijazah Habilitation yang diterima oleh Prof Arndt Graf merupakan pengiktirafan rasmi untuk beliau mewakili dua bidang akademik, iaitu Bahasa dan Budaya Austronesia, dan Pengajian Asia Tenggara.

Beliau pernah mengajar di beberapa buah universiti di Jerman seperti Universiti Hamburg, Universiti Gottingen dan Universiti Munster.

Beliau pernah berkhidmat di peringkat antarabangsa. Beliau juga pernah menjadi pensyarah undangan universiti di Amerika Syarikat, Indonesia, Perancis, Denmark dan Malaysia.

Dalam bidang penulisan akademik, Profesor Dr Arndt Graf telah menghasilkan empat monograf, enam bab buku, 13 makalah dalam jurnal ilmiah antarabangsa, 20 sumbangan dalam buku suntingan dan 74 penerbitan-penerbitan lain.

TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA: REALITI DAN HARAPAN UNTUK MASA HADAPAN

Prof Dr Arndt Graf

*Jabatan Pengajian Asia Tenggara
Goethe-University Frankfurt, Germany*

Abstrak

Ceramah Arif Budiman ini mula dengan perkataan “Takkan Melayu hilang di dunia” yang dikait-kaitkan dengan Hang Tuah, wira Melayu pada kurun ke-14. Hang Tuah tidak hanya bersifat arif dan budiman, tetapi dia juga pandai bahasa. Menurut Hikayat Hang Tuah, Hang Tuah pandai dalam dua belas bahasa, termasuk bahasa Jawa, Cina, Keling, Siam dan Arab. Pada kurun ke-21 dan zaman globalisasi orang Melayu boleh menganggap ciri poliglot Hang Tuah itu sebagai teladan. Namun bahasa manakah yang sebaiknya dipelajari? Dalam ceramah ini ditunjukkan bahawa secara global peranan bahasa Inggeris, Perancis dan Jerman semakin menurun, sedangkan bahasa Cina, Sepanyol (di Amerika Selatan), Turki, Parsi dan Arab semakin penting. Itu disebabkan oleh kebangkitan ekonomi negara di luar Eropah itu. Juga bahasa Melayu semakin penting. Dalam bahagian II dari ceramah ini dianalisis perkembangan Pengajian Melayu di Eropah yang menjawab pada kebangkitan bahasa Melayu itu. Rupanya di bekas negara penjajah, Inggeris dan Belanda, minat pada Dunia Melayu terus menurun, sedangkan di Perancis, Rusia dan Jerman meningkat. Itu disebabkan peranan pemerintah dan sistem pendidikan tinggi di negara-negara itu yang melihat potensi Asia Tenggara dan Dunia Melayu dari segi politik, ekonomi dan budaya. Secara keseluruhan ceramah ini menunjukkan bahawa dalam zaman globalisasi peluang bagi orang Melayu semakin besar untuk belajar bahasa asing seperti dulu Hang Tuah, sedangkan semakin banyak orang di luar Dunia Melayu belajar bahasa Melayu.

PENGENALAN

“Takkan Melayu hilang di dunia” merupakan ucapan yang sering dikaitkan dengan Hang Tuah, walaupun tidak disebut dalam *Hikayat Hang Tuah* atau *Sulat al-Salatin* (yang juga dikenal sebagai *Sejarah Melayu*).¹ Rupanya ucapan itu sering digunakan oleh pejuang nasionalis Melayu sejak tahun 1930-an, untuk menandai semangat perjuangan mereka. Tujuannya adalah pelestarian bahasa dan budaya Melayu. Hang Tuah dan ucapan itu digunakan sebagai simbol penting.² Kalau hari ini kita merujuk pada ucapan itu di Singapura, kita harus ingat bahawa dalam sejarah memang ada kaitan antara Hang Tuah dengan Singapura. Mengikut *Hikayat Hang Tuah*, wira Melaka itu pernah singgah di kawasan Singapura yang dulu dikenal sebagai Temasek. Di samping itu masih ada kaitan lain, iaitu sebuah kaitan kontemporari. Banyak orang dari dulu hingga sekarang menganggap Hang Tuah sebagai wira yang sempurna. Dia pasti amat setia, arif, budiman dan dia juga menguasai dua belas bahasa (Muhammad Haji Salleh 2003: 12). Antara lain, bahasa Jawa, Cina, Keling, Siam, Arab dll. Sebagai wira dari kurun ke-14 atau ke-15, dia sudah mempunyai wawasan antarabangsa dan pernah berkunjung ke China, Siam, Keling, tanah Arab dan Rum, iaitu Constantinople. Maka, dalam istilah hari ini Hang Tuah boleh dianggap sebagai wira yang berwawasan global dan yang menghormati akar tempatnya. Satu aspek lain amat relevan untuk hari ini: Pasti Hang Tuah mendapat pendidikan yang luar biasa bagus, sehingga dia boleh pandai dalam dua belas bahasa dan banyak kepandaian lain. Kalau pendidikan penting untuk kurun ke-14, maka pasti hari ini jauh lebih penting lagi. Kita semua harus menjawab pada cabaran globalisasi, dan pendidikan, sekolah dan guru amat penting sekali untuk mempersiapkan generasi muda untuk cabaran itu. Maka tepat sekali, kalau Ceramah Arif Budiman ini merujuk pada ucapan yang dikaitkan dengan Hang Tuah, dan lagi tepat bahawa di sini hari ini begitu banyak guru dan pensyarah.

Tadi kita mendengar bahawa Hang Tuah amat pandai dalam dua belas bahasa yang merupakan bahasa yang penting untuk kurun ke-14. Kalau kita hari ini ingin mengikuti model Hang Tuah dan belajar bahasa yang relevan untuk masa hadapan, timbul pertanyaan: bahasa mana yang kelak akan menjadi penting? Hari ini, pada tahun 2013, di Singapura itu pasti bahasa

Melayu, bahasa Inggeris, bahasa-bahasa India dan bahasa Cina. Bagaimana ramalan untuk masa hadapan, katakanlah tahun 2020?

REALITI: BAHASA MELAYU DI TENGAH BAHASA BESAR YANG LAIN

Kalau kita ingin mengenal pasti realiti situasi bahasa di masa hadapan, kita sering mendengar hujahan-hujahan tertentu. Senario yang pertama yang sering diulangi orang adalah sebagai berikut: Pada masa hadapan, bahasa Inggeris akan merupakan satu-satunya bahasa dunia, semua bahasa lain akan mati sebagai bahasa antarabangsa. Oleh kerana itu, kita semua di Singapura mahupun di Malaysia, Indonesia, Perancis atau Jerman sebaiknya hanya belajar satu-satunya bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris. Oleh kerana semua bahasa lain akan mati sebagai bahasa antarabangsa, kita pada suatu ketika nanti juga tidak memerlukan lagi penerjemah sebab semua orang fasih dalam bahasa Inggeris. Kalau hujahan ini benar, sekolah di Amerika, Australia dan Inggeris boleh menghapuskan mata kuliah bahasa asing sama sekali, kerana hanya bahasa Inggeris yang akan penting, dan penutur asli bahasa Inggeris mempunyai kelebihan di semua bidang. Pada akhirnya, semakin ramai orang tua di luar *Anglosphere* akan menggunakan bahasa Inggeris di rumah dan akan menghantar kanak-kanak mereka ke sekolah yang berbahasa Inggeris sahaja, kerana hanya dengan cara itu kanak-kanak itu tidak akan tergolong sebagai warga dunia kelas dua kelak.

Namun akhir-akhir ini ada juga senario lain yang semakin popular, iaitu senario duopoli bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Duopoli bererti bahawa kedua bahasa itu akan menguasai dunia. Hujahan penganut persepsi itu bernada bahawa bahasa Inggeris tetap penting, tetapi bahasa Cina terus naik, sedangkan semua bahasa lain tidak perlu diperhatikan. Secara logis, juga sekolah di seluruh dunia sebaiknya hanya memfokuskan pada bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin, termasuk di Eropah, Afrika, Amerika Selatan dan Asia.

Terdapat lebih daripada dua senario yang tadi di jelaskan, iaitu Senario I (monopoli bahasa Inggeris) dan Senario II (Duopoli bahasa Inggeris dan bahasa Cina). Senario ketiga adalah bahawa kita memerlukan kajian empirikal untuk mengenal pasti apakah Senario I atau Senario II ataupun

senario lain yang benar. Kajian empirikal harus memfokuskan pada fakta dan data, pada realiti semata-mata. Fakta pertama yang penting dalam kaitan ini adalah bahawa pasaran terjemahan global semakin besar. Pada tahun 2011, pasaran itu sebesar 30 billion USD, dan mencatat pertumbuhan tahunan 7.41 % (Duff 2012). Terjemahan sastera hanya merupakan bahagian kecil daripada pasaran terjemahan global. Yang jauh lebih penting adalah terjemahan industri, termasuk teks produk, teks undang-undang, teks lokalisasi laman web. Itu bererti bahawa bahasa-bahasa asing semakin menarik dari segi ekonomi, dan bahawa kita semakin jauh dari Senario I, iaitu monopoli bahasa Inggeris. Sebaliknya, bahasa-bahasa lain semakin penting.

Trend itulah juga nampak kalau kita mengambil sebagai contoh bahasa-bahasa yang relevan untuk bisnis dalam Internet, yang juga disebut sebagai *e-bisnes*. Pada tahun 1990-an, Internet mula berkembang di Amerika Syarikat, dan *e-bisnes* pertama mula diterokai di sana. Boleh difahami bahawa pada ketika itu bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling penting di Internet, malah hampir mempunyai monopoli dalam *e-bisnes*. Namun pada tahun 2012, sudah terdapat 15 bahasa yang meliputi 90% dari potensi pasaran Internet.³ Trendnya jelas, semakin banyak bahasa mula menjadi relevan. Untuk fasa 2012-2016, dijangka akan berlangsung perubahan pesat, mengikut ramalan T-Index. T-Index diterbitkan di Internet oleh sebuah syarikat yang menjual data dan maklumat tentang penggunaan bahasa di Internet. Gunanya untuk para pelanggan T-Index jelas: data tentang penggunaan bahasa di Internet amat penting untuk syarikat antarabangsa yang ingin menjual produk mereka ke pasaran luar negara. Syarikat seperti itu harus tahu persis apakah itu menarik dari segi bisnes untuk menterjemahkan laman web mereka ke dalam bahasa Italia atau Thai atau bahasa Mandarin atau Melayu. Metodologi T-Index cukup rumit: Mereka mengambil jumlah penduduk setiap negara di dunia, termasuk pengguna bahasa masing-masing, berdasarkan *CIA World Fact Book*. Dianggap bahawa institusi itu, CIA, mempunyai minat besar untuk mengetahui secara betul-betul data dan fakta seperti itu. Lalu T-Index mengambil penetrasi Internet untuk setiap negara. Itu dikaitkan dengan pendapatan per kapita, berdasarkan maklumat yang disediakan oleh IMF (tentu angka untuk 2016 merupakan ramalan IMF). Pendapatan per kapita

itu diperhatikan dalam T-Index dari bahagian 20% (*quintile*) yang paling kaya ke bawah. Dari data itu boleh dikira potensi daya beli untuk setiap negara, dan juga untuk setiap bahasa.

Hasil dari perkiraan seperti itu amat jelas: Peranan bahasa Inggeris semakin menurun secara relatif dalam *e-bisnes* global. Dari 32.3% pada tahun 2012 akan menurun ke 24.5% pada tahun 2016. Itu disebabkan oleh realiti bahawa semakin banyak negara di luar *Anglosphere* menggunakan Internet, digabungkan oleh realiti bahawa semakin banyak negara di luar *Anglosphere* mempunyai daya beli yang meningkat. Oleh itu semakin banyak teks harus diterjemahkan ke dalam bahasa bukan-Inggeris, yang menjelaskan pertumbuhan industri terjemahan global yang disebut tadi. Angka pertumbuhan industri itu per tahun adalah 7.41%. Juga, semakin teks yang bukan Inggeris harus diterjemahkan ke dalam bahasa lain, sebab negara-negara yang baru menjadi negara industri ingin menjual bahan dan layanan mereka secara global. Misalnya dari Malaysia ke Amerika Selatan, atau dari Turki dan Brazil ke Afrika. Jelas sekali, Senario I (Monopoli bahasa Inggeris) merupakan hujahan sahaja.

Bagaimana dengan Senario II, iaitu duopoli bahasa Inggeris dan bahasa Cina? Mengikut *T-Index*, memang bahasa Cina semakin penting, bahkan ada kemungkinan bahawa dalam beberapa tahun bahasa Cina lebih penting di Internet daripada bahasa Inggeris. Untuk 2012 *T-Index* memberi nilai 13.7% penggunaan bahasa Cina di Internet, yang akan naik ke 20.2% pada tahun 2016, jadi semakin mendekati posisi bahasa Inggeris. Itu tentu amat positif untuk orang di luar Daratan China yang pandai bahasa Cina, misalnya orang di Singapura, Malaysia dan Indonesia. Namun, trend itu juga amat menarik untuk orang lain. Semakin ramai orang Melayu, Indonesia, Jerman, Perancis, Afrika dan Amerika belajar bahasa Mandarin. Bahasa Mandarin kini sudah semakin popular di peringkat sekolah di banyak negara, termasuk di Jerman. Malah sudah ada kurikulum rasmi untuk bahasa Mandarin di sekolah di Jerman, dan pelajar boleh memilih antara bahasa Mandarin atau bahasa Perancis, Rusia, Sepanyol, atau Itali sebagai bahasa ketiga.

Kita harus sedar bahawa kebangkitan bahasa Cina tidak semata-mata terbatas pada kebangkitan satu negara sahaja, iaitu negara Republik Rakyat

China. Sedangkan, yang sebenarnya terjadi adalah kebangkitan banyak negara dan banyak peradaban di luar *Anglosphere*. China hanya satu contoh yang popular dalam media. Siapa sedar bahawa juga negara-negara Amerika Selatan sedang bangkit, serta banyak negara lain, termasuk di Asia Tenggara, Asia Selatan, Afrika dll. Mengikut T-Index, itu menyebabkan bahawa di Internet, bahasa Sepanyol semakin penting. Kalau mahu merujuk pada wira Melayu yang poliglot itu, iaitu Hang Tuah, mungkin sekarang sudah tiba saat bahawa Hang Tuah belajar bahasa Sepanyol, bukan kerana negara Sepanyol yang sedang mengalami krisis ekonomi, namun kerana kebangkitan Amerika Selatan.

Untuk pihak Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan di seluruh dunia, perubahan itu pasti menarik. Kalau bahasa-bahasa di luar *Anglosphere* semakin penting untuk bisnes antarabangsa, maka sebaiknya trend itu juga diperhatikan dalam kurikulum di sekolah. Sekurang-kurangnya di peringkat universiti sudah tiba masa untuk menubuhkan Jabatan Pengajian Kawasan di luar *Anglosphere*, misalnya Jabatan Pengajian Bahasa dan Budaya Sepanyol. Pula, kamus yang belum sebaiknya lengkap sekarang dipersiapkan. Bagaimana dengan kamus bahasa Melayu-bahasa Sepanyol? Apakah sudah tiba saat untuk mula menawarkan bahasa Sepanyol di sekolah sebagai bahasa ketiga atau keempat? Jelaslah, kalau Hang Tuah dulu sudah pandai dalam 12 bahasa, pengikut teladan Hang Tuah hari ini boleh belajar lebih daripada satu bahasa asing.

Mengikut ramalan T-Index, kebangkitan negara “baharu” dalam ekonomi dunia bererti bahawa secara relatif ada sejumlah bahasa “lama” yang sedikit dipinggirkan. Tidak hanya bahasa Inggeris, tetapi juga bahasa Jerman, Perancis dan Jepun akan menurun secara relatif dari segi penggunaan di Internet. Secara absolut, mungkin situasi ekonomi di Jerman, Perancis dan Jepun akan tetap stabil. Namun, perkembangan di negara lain jauh lebih dinamis, yang dicerminkan antara lain dalam angka pertumbuhan ekonomi tahunan. Ertinya, peluang bagi orang Singapura yang berbahasa Jerman atau Perancis akan berkurangan secara relatif, kalau dibandingkan dengan peluang baru dengan sekian bahasa yang lain. Antara bahasa dan negara “baharu” yang semakin relevan adalah bahasa Portugis dari Brazil, bahasa Rusia, bahasa Turki, Parsi, Poland, Arab, Thai dan Filipina.

Yang paling menarik bagi penutur asli bahasa Melayu dan bahasa Indonesia adalah bahawa bahasa Melayu/Indonesia sendiri juga semakin penting. Ini bererti peluang baru bagi orang Singapura yang pandai bahasa Melayu. Oleh kerana Indonesia dan Malaysia merupakan negara besar di ASEAN, perkembangan ekonomi di kedua negara itu akan membantu bahasa Melayu/Indonesia. Sebagai contoh: buku-buku ilmiah dari Malaysia amat laku di Indonesia, tentu selepas bahasa Melayunya disesuaikan sedikit menjadi bahasa Indonesia. Itulah ceritera dari seorang pengurus penerbit besar di Malaysia. Katanya, walaupun di Malaysia sendiri ada hujahan pesimis tentang bahasa Melayu yang terasa semakin terpinggir, sebenarnya buku-buku dalam bahasa Melayu – Indonesia amat laris.

PENGAJIAN MELAYU ANTARABANGSA TERUS MENINGKAT? CONTOH DARI EROPAH

Kalau hujahan yang tadi benar, iaitu bahawa kita sedang mengalami kebangkitan bahasa Melayu/Indonesia dan Dunia Melayu di peringkat antarabangsa, maka kita semestinya juga melihat bahawa pengajian tentang Dunia Melayu di universiti antarabangsa semakin berkembang. Namun apakah asumsi itu benar dan dapat dibukti dalam realiti? Sebagai contoh, saya mengambil kes Pengajian Melayu di Eropah. Sebagai langkah pertama dari kajian kes itu, kita harus mendefinisikan Pengajian Melayu. Pengajian Melayu diertikan sebagai pengajian tentang Dunia Melayu dalam erti yang luas, yang mencakupi Nusantara, iaitu Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, Selatan Thai, Selatan Filipina dan Timor Leste. Faktor penting dalam Nusantara itu adalah agama Islam, walaupun juga terdapat agama lain. Dari segi bahasa, tentu bahasa Melayu/Indonesia amat relevan sebagai bahasa penghubung. Di samping itu terdapat juga ratusan bahasa lain, termasuk misalnya bahasa Jawa, Minang, Batak, Aceh, Iban, Tausug dll. Pengajian Melayu meliputi pelbagai pendekatan ilmu kemanusiaan dan sains sosial, seperti persuratan (filologi), kesusasteraan, ilmu bahasa, retorik, media, sejarah dan sosio-budaya, termasuk seni.

Kalau dalam kajian kes ini kita berangkat dari asumsi teoretis bahawa globalisasi membawa pertukaran yang semakin intensif dan mencakupi idea, orang dan bahan, maka kita harus menyedari bahawa ekonomi itu

merupakan penggerak penting. Oleh kerana itu tadi saya memulakan ceramah ini dengan ramalan perkembangan dalam bidang bahasa berdasarkan perkembangan ekonomi masing-masing. Dari segi teori globalisasi pula kita boleh berasumsi bahawa persentuhan yang semakin erat antara bahasa dan budaya di dunia akan meningkatkan secara terus-menerus relevansi pengajian kawasan (*area studies*), termasuk Pengajian Melayu. Kalau asumsi itu benar, maka kita semestinya melihat peningkatan Pengajian Melayu di seluruh pelusok dunia, termasuk di Eropah. Selanjutnya, saya akan mengambil contoh perkembangan Pengajian Melayu di Eropah untuk mendiskusikan asumsi teoretis itu dan perkembangan dalam realiti.

Untuk mulai deskripsi empirikal kajian kes ini, mari kita mula dengan sebuah gambar yang menunjukkan Asia Timur dan Asia Tenggara pada malam hari. Gambar itu dihasilkan oleh NASA. Jelas sekali kita melihat kawasan-kawasan yang terang sekali oleh kerana banyak lampu dan banyak aktiviti ekonomi pada malam hari. Di Asia Tenggara, antara kawasan yang amat terang itu tentang Singapura, lalu Semenanjung Malaysia, khususnya pantai Barat, Bangkok, terus kawasan Medan dan pantai Timor pulau Singapura, terus Jakarta dan kebanyakan pulau Jawa. Manila juga terang, tetapi bahagian Timur Asia Tenggara terdapat juga banyak tempat yang cukup gelap pada malam hari. Dari distribusi tempat-tempat yang terang dan yang gelap di Asia Tenggara, kita juga boleh membuat asumsi bahawa secara am, pengajian antarabangsa tentang Asia Tenggara mungkin paling banyak memfokuskan pada kawasan-kawasan yang mempunyai banyak aktiviti ekonomi, khususnya Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand dan Filipina. Yang paling jelas: bahasa Melayu/Indonesia mesti diutamakan dalam pengajian kawasan ini, kerana dengan bahasa Melayu/Indonesia sebagai dasar, para pelajar boleh berkomunikasi dengan masyarakat yang amat maju di Asia Tenggara, termasuk di kawasan yang “terang” di Indonesia dan Malaysia. Tanpa bahasa Melayu/Indonesia pelajar tidak mungkin memahami apa yang berlangsung di Indonesia dan Malaysia, baik dalam bidang politik, ekonomi atau budaya. Oleh itu asumsi itu jelas: di kawasan dunia yang lain yang maju kita mesti melihat bahawa Pengajian Melayu terus berkembang dengan baik, termasuk dengan kuliah bahasa Melayu/Indonesia di peringkat universiti. Bagaimana realiti?

Dalam realiti kita harus menyedari bahawa Pengajian Melayu di peringkat universiti di luar negara amat ditentukan oleh sistem pendidikan di negara masing-masing. Untuk tujuan kajian ini saya membezakan antara empat kelompok negara. Kelompok pertama berorientasikan pasaran sahaja, dan permintaan dari pelajar yang membayar tuisyen (yuran kuliah) menentukan nasib semua tawaran kuliah di universiti. Contoh sistem itu adalah Inggeris (U.K.). Lalu, Kelompok II terdiri dari negara yang mempunyai sistem yang berorientasikan pasaran, mirip dengan kelompok pertama, namun dalam kelompok ini pemerintah pusat tetap memelihara pusat penyelidikan dalam Pengajian Melayu berdasarkan pertimbangan politik. Contohnya di Eropah adalah Belanda. Di sana, perkembangan pengajian Asia Tenggara di universiti amat ditentukan oleh jumlah pelajar, sedangkan pemerintah pusat tetap membiayai Pusat Penyelidikan KITLV di Leiden. Kelompok ketiga berorientasikan pertimbangan politik, dengan sistem pemerintahan sentralis. Contohnya di Eropah adalah Perancis, Itali dan Rusia. Akhirnya, Kelompok IV berorientasikan pertimbangan politik, dengan sistem pemerintahan federal. Contohnya Jerman. Mari kita melihat bagaimana perkembangan Pengajian Melayu dalam empat kelompok ini.

KELOMPOK I: SISTEM PASARAN

Kelompok pertama diwakili oleh Inggeris. Sejak perubahan mendasar yang dimulai di bawah Margaret Thatcher, sistem pendidikan tinggi di sana amat ditentukan oleh permintaan para pelajar yang harus membayar yuran kuliah (tuisyen). Kini, satu-satunya universiti di Inggeris yang masih menawarkan bahasa Melayu (Indonesia) adalah SOAS (*School of Oriental and African Studies*) di London. Yang lain semua diberhentikan. Namun, kalau kita melihat peta Inggeris pada malam hari, kita melihat banyak kawasan yang terang, yang menunjukkan peringkat aktiviti ekonomi yang tinggi. Dari itu, semestinya ada banyak atau sekurang-kurangnya beberapa pusat pengajian Asia Tenggara di Inggeris. Apa yang terjadi?

Dalam kenyataan empirikal, pada tahun 1930-an, U.K. mempunyai hegemoni global dalam Pengajian Melayu (Semenanjung). Sejak tahun 1970-an, ada orientasi pada Indonesia. Terus terjadi pemotongan besar secara terus-menerus. Di SOAS pada tahun 2000-an, tidak ada

lagi pustakawan yang pandai bahasa Melayu atau Indonesia. Hanya di Perpustakaan British masih mempunyai kurator yang ahli. Di SOAS pula, pada tahun 2011, dua posisi profesor yang bersara dalam Pengajian Melayu tidak diisi lagi. Di Hull pada tahun 2000-an, Pengajian Asia Tenggara ditutup dan dipindah ke Leeds, lalu bahasa Melayu (Indonesia) di Leeds ditutup. Di seluruh U.K. pada tahun 2010-an, enrolmen dalam Pengajian Melayu (Indonesia) menurun secara drastis.

Apa sebab penurunan Pengajian Melayu di U.K.? Yang pertama, boleh didapati bahawa proses dekolonisasi belum selesai, dalam erti bahawa persepsi lama masih mengambil pandangan pada kenyataan bahawa Asia Tenggara kini amat berkembang dengan cepat. Banyak kawasan dan negara di Asia Tenggara, seperti di Singapura, Malaysia, Brunei atau Jakarta amat maju. Sedangkan persepsi lama masih memikirkan zaman kolonial, dengan hujan seperti: “*Our great-great fathers were in Malaya – why should we?*”.

Sebab yang kedua berkaitan dengan keputusan di SOAS pada tahun 1970-an untuk reorientasi dari Malaysia dan Singapura pada Indonesia. Pada awalnya, reorientasi itu bermanfaat daripada tema-tema pembangunan, dan memang secara am tema pembangunan (*development*) merupakan mega-tema pada tahun 1970-an yang merupakan motivasi bagi banyak orang muda di Eropah untuk belajar bahasa Indonesia. Banyak di antara mereka sangat idealis yang mahu membantu masyarakat miskin di Asia Tenggara. Soalnya, banyak usaha itu memang berjaya, dan kini Indonesia semakin keluar dari tema-tema pembangunan semata-mata. Apalagi, saat ini sudah banyak orang Indonesia sendiri yang terpelajar yang boleh mengurus usaha pembangunan selanjutnya. Tidak perlu lagi orang asing. Untuk negara seperti Singapura, Malaysia atau Brunei, tema-tema pembangunan semata-mata memang sudah lama dilalui. Negara-negara itu termasuk yang paling kaya dan maju di Asia Tenggara. Jadi, oleh kerana motivasi “membantu dalam pembangunan” semakin kurang relevan, maka juga jumlah pelajar Pengajian Melayu di Eropah yang mempunyai motivasi idealis itu semakin menurun. Apalagi kalau harus membayar tuisyen yang tinggi seperti di Inggeris.

Sedangkan ada faktor ketiga untuk penurunan minat pada Pengajian Melayu di Inggeris, iaitu sepuluh tahun yang penuh dengan imej Indonesia dalam media antarabangsa yang buruk. Fasa itu mula dengan liberalisasi media di Indonesia pascaOrde Baru. Tiba-tiba semua laporan tentang Indonesia boleh dimuat secara besar-besaran, termasuk tentang gempa bumi, tsunami, flu burung, SARS, korupsi, macet di Jakarta, perang saudara di Indonesia bahagian Timur, wacana “*failing state*” dll. Memang, bagi media biasanya berlaku perkataan bahawa hanya berita yang buruk adalah berita yang baik. Maksudnya: media biasanya lebih mudah menjual beritanya kalau memfokuskan pada hal-hal yang negatif atau yang merupakan sensasi dan skandal. Dalam kaitan dengan Indonesia, perubahan imej begitu cepat dan begitu drastis oleh kerana liberalisasi media yang cepat terjadi. Apalagi selepas peristiwa 9/11 di Amerika, Inggeris sendiri juga kena bom dan kekerasan. Walaupun tidak ada kaitan semata-mata, dalam liputan media faktor kekerasan itu amat merugikan imej Indonesia sebagai negara yang majoriti beragama Islam, kerana sejak 9/11 dan serangan bom di London, berita yang mengaitkan negara-negara Islam dengan kekerasan amat laku. Itu pasti juga mempengaruhi para pelajar. Daripada ingin belajar tentang bahasa, sastera dan budaya Dunia Melayu yang mulia dan menarik, justeru kini minat pada pengajian terorisme dan keamanan semakin naik. Tetapi itu lain bidangnya, bukan Pengajian Melayu.

Untuk Pengajian Melayu di Inggeris ada faktor keempat yang juga ikut merugikan, iaitu persepsi bahawa globalisasi amat baik untuk penutur bahasa Inggeris. Hujahannya, “Kenapa orang Inggeris harus belajar LOTE (*languages other than English*)”? Apalagi kalau tuisyen untuk kuliah bahasa Melayu (Indonesia) cukup tinggi.

Ini membawa ke faktor kelima untuk penurunan Pengajian Melayu dan juga pengajian kawasan lain di Inggeris. Iaitu, pelajar dari Inggeris boleh belajar secara percuma di Jerman atau di Perancis, dan kini sudah semakin banyak program MA yang ditawarkan dalam bahasa Inggeris di kedua negara itu. Mengapa seorang Inggeris muda harus belajar di SOAS yang mahal kalau dia juga boleh pindah ke Paris atau Hamburg, Cologne, Frankfurt atau Passau? Mutunya sama. Semua faktor yang dihuraikan di

atas mengakibatkan Pengajian Melayu di Inggeris terus menurun, walaupun dalam globalisasi justeru kebangkitan Pengajian Melayu diasumsikan.

KELOMPOK II: SISTEM PASARAN – POLITIK

Criteranya cukup mirip di Belanda. Pada tahun 1930-an, Belanda masih mempunyai monopoli dalam Pengajian Indonesia. Sejak tahun 1950-an, terjadi persaingan dengan Amerika Syarikat. Namun pada awal tahun 1980-an, masih terdapat Pengajian Indonesia di Leiden, Utecht dan Amsterdam, dan perpustakaan dan pusat penyelidikan KITLV di Leiden masih amat kuat. Pada tahun 1990-an/2000-an terjadi sebuah proses “konsentrasi”: Leiden diberi fungsi sebagai satu-satunya pusat dalam Pengajian Indonesia di Belanda, dan aktiviti di tempat yang lain dihentikan. Namun, sejak tahun 2000-an, keadaan di Leiden semakin serius oleh kerana jumlah pensyarah di Universiti Leiden terus dipotong. Dari 12 menjadi lapan menjadi enam menjadi 4 menjadi... Pada awal tahun 2010-an, malah ada wacana bahawa KITLV pun terancam.

Sebab-sebab untuk penurunan minat di Belanda sedikit mirip dengan apa yang terjadi di Inggeris. Di Belanda terdapat nostalgia pada Hindia Belanda yang dianggap menarik kerana ia menunjukkan kebesaran Belanda dahulu. Sedangkan Indonesia pasca 1945 sering digambarkan dengan asosiasi negatif. Malaysia dan Singapura yang sejak dahulu jauh lebih maju kurang diperhatikan, dan juga kejayaan-kejayaan pembangunan di Indonesia kurang.

Sebab kedua mirip dengan orientasi di Inggeris dari Malaysia ke Indonesia. Dalam kes Belanda, reorientasi terjadi dari Indonesia ke China sejak tahun 1980-an. Jabatan Pengajian China di Leiden, misalnya, kini penuh pelajar, sedangkan Jabatan Pengajian Asia Tenggara kosong.

Lalu, imej Indonesia kurang positif sejak kemerdekaan Indonesia dan hubungan politik yang buruk antara Belanda dengan Indonesia pada zaman Sukarno. Itu tidak hanya berlaku di peringkat media. Banyak orang Belanda diusir oleh Sukarno dari Indonesia, dan banyak keluarga yang kehilangan miliknya, termasuk kebun dan rumah kolonial yang cantik. Pasti, di keluarga-

keluarga itu “*tempo doeloe*” yang manis bagi mereka senang dikenangi, dan Sukarno dan Indonesia yang mahu merdeka melawan Belanda dibenci. Juga, imej Indonesia pasca-kemerdekaan penuh masalah sosial. Naratif dasar Orde Baru yang mengakui bahawa memang ada banyak masalah sosial yang harus diatasi juga tidak mampu menarik banyak pelajar Belanda ke arah Pengajian Indonesia.

Sebab yang keempat berkaitan dengan unsur-unsur pasaran dalam sistem pendidikan tinggi di Belanda: Oleh kerana permintaan dari pelajar semakin kurang, juga posisi-posisi pensyarah terus dipotong. Bagi orang muda yang ingin mempunyai kerjaya sebagai pensyarah, trend seperti itu dengan jelas menunjukkan bahawa Pengajian Indonesia tidak mempunyai perspektif yang bagus.

Perbezaan dengan situasi di Inggeris adalah bahawa pemerintah Belanda tetap memelihara pusat penyelidikan tentang Indonesia (KITLV), berdasarkan pertimbangan politik. Itu membawa kita ke:

KELOMPOK III: SISTEM POLITIK SENTRALIS

Dalam Kelompok III, sistem pendidikan tinggi ditentukan oleh pemerintah pusat secara sentralis. Contohnya merupakan Perancis dengan pusat Pengajian Melayunya di Paris, La Rochelle dan Le Havre, lalu Rusia dengan pusatnya di Moscow dan St. Petersburg, dan juga Itali dengan pusatnya di Napoli. Salah satu kebersamaan dalam Kelompok III itu adalah bahawa semua negara itu tiada sejarah penjajahan di Dunia Melayu. Semua pusat yang disebut dahulu memang pusat kecil kalau dibandingkan dengan London atau Leiden. Namun, di negara yang mempunyai pemerintah yang proaktif, seperti Perancis, pusat baru didirikan, misalnya di La Rochelle dan Le Havre sejak tahun 1990-an, kerana realiti ekonomi baru di Asia Tenggara dilihat oleh pemerintah Perancis. Juga, Pengajian Asia Tenggara dipelihara di Paris dan di Moscow atau St. Petersburg, kerana negara-negara itu ada persepsi diri sendiri sebagai kuasa dunia. Tentu, sebuah kuasa dunia mesti mempunyai Pengajian Melayu kerana dunia tidak lengkap tanpa Dunia Melayu. Kalau ada kejutan-kejutan seperti krisis Asia, amat tidak penting

dalam sistem sentralis seperti di Rusia atau Perancis kerana di kedua negara ini pertimbangan jangka panjang yang menentukan nasib pusat pengajian di universiti dan akademi penyelidikan. Jadi, krisis panjang di Indonesia pascaOrde Baru tidak terlalu mempengaruhi penawaran kuliah di universiti tersebut atau pembiayaan penyelidikan di Pusat Penyelidikan masing-masing. Satu faktor lain merupakan bahasa. Media yang berbahasa Perancis atau Rusia tidak begitu dipengaruhi oleh berita negatif dalam media di Australia, Inggeris atau Amerika kerana naratif dasar terhadap Dunia Melayu berbeza. Oleh kerana sistem pendidikan tinggi di negara yang sentralis itu stabil, kepakaran spesialis tentang Dunia Melayu tetap dipelihara. Itu juga berguna untuk menarik pelajar muda yang mempunyai motivasi tinggi. Contohnya adalah wakil dari Rusia dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri Malaysia. Dalam PABM itu, wakil dari Rusia hampir setiap tahun mendapat tempat yang bagus, sebagai johan atau naib johan. Jelas, ini mencerminkan pengajian Melayu yang cemerlang di Rusia, dan juga minat tinggi dan simpati besar untuk Dunia Melayu, baik di Rusia mahupun di Perancis atau di Itali. Dunia Melayu dianggap sama-sama bukan *Anglosphere*, dan pengalaman orang Rusia atau orang Perancis muda dengan bahasa Inggeris mungkin mirip dengan orang Melayu muda. Lebih mudah kalau boleh berkomunikasi langsung dan belajar bahasa masing-masing.

Dalam sistem pendidikan tinggi yang sentralis, pemerintah pusat merupakan pemain strategik. Dia ingin “meliputi dunia”, kerana pengetahuan pengajian kawasan dianggap amat penting untuk tujuan politik, pertahanan dan ekonomi, apalagi dalam zaman globalisasi sekarang. Maka, peta dengan kawasan yang terang di malam hari di Asia Tenggara pasti disedari di Paris dan di Moscow, dan pemerintah Perancis dan Rusia tetap memelihara dan malah meningkatkan aktiviti dalam bidang Pengajian Melayu seiring dengan kebangkitan Dunia Melayu dalam bidang politik dan ekonomi. Tentunya, universiti dan pusat penyelidikan dibiayai penuh oleh pemerintah pusat, sehingga CNRS di Perancis atau *Russian Academy of Sciences* dapat tahu persis apa yang berlangsung di Asia Tenggara. Pemerintah di kedua negara itu mempunyai visi panjang dan dalam visi itu, pengetahuan tentang Dunia Melayu dianggap penting untuk negara masing-masing. Kalau ada beberapa tahun dengan penurunan

jumlah pelajar, itu tentu tidak dibenarkan untuk menghapuskan bidang studi atau amat merugikannya seperti apa yang terjadi di Inggeris atau di Belanda yang menganut sistem pendidikan tinggi berdasarkan permintaan di pasaran semata-mata. Ramalan cukup mudah dibuat bahawa Perancis dan Rusia akan tetap berminat pada Asia Tenggara dan Pengajian Melayu di sana akan tetap berkembang dengan baik di sana. Di Perancis, pemerintah pusat malah melihat fungsi negara dan universiti negeri sebagai pengusaha: Untuk memudahkan perdagangan antara Perancis dengan Dunia Melayu, di dua universiti baharu (La Rochelle dan Le Havre) Pengajian Melayu digabungkan dengan pengajian ekonomi dan bisnis. Oleh kerana formula itu sudah masuk ke dalam sistem pendidikan tinggi di Perancis, ramalan boleh dibuat bahawa program seperti itu akan lebih banyak memandang tema kebangkitan Indonesia yang baru mula.

Dalam kaitan ini harus juga dicatat beberapa sistem pendidikan sentralis yang TIDAK melihat kebangkitan Asia Tenggara. Itu terjadi kalau pemerintah berkenaan di negara Eropah tertentu belum berwawasan global. Contohnya hampir semua negara di Eropah yang sedang mengalami krisis kewangan serius, termasuk Ireland, Yunani, atau Portugis. Semua negara itu tidak mempunyai Pengajian Melayu yang lengkap. Bahasa Melayu (Indonesia) sama sekali tidak ditawarkan di semua negara krisis itu. Dan kalau kita melihat lagi peta Eropah pada malam hari, kita boleh nampak bahawa semua negara krisis itu juga tidak mempunyai aktiviti-aktiviti ekonomis yang kuat pada malam hari. Dalam negara seperti itu, ekonomi lemah kerana kurang kompetitif di pasaran dunia, pihak politik tidak melihat perkembangan dan kebangkitan dan peluang baru di luar Eropah, dan sistem pendidikan tinggi tidak menjawab pada kebangkitan Asia Tenggara. Malah, dalam krisis ekonomi, bajet universiti semakin dipotong, yang lagi membahayakan masa hadapan negara itu. Ramalan cukup pesimis untuk negara-negara seperti itu: Sistem pendidikan tinggi dikekang oleh pihak politik, dan pihak politik dari dahulu sudah tidak berwawasan global. Harapan tidak ada, kecuali melalui krisis yang lebih besar lagi yang akhirnya membawa perubahan wawasan, perubahan perlembagaan, dan perubahan bajet universiti. Oleh itu, mungkin proses yang panjang, maka tidak menghairankan bahawa semakin banyak pelajar muda dari negara-negara krisis di Eropah meninggalkan negara mereka

dan pergi ke tempat yang menawarkan Pengajian Melayu, apalagi kalau tidak ada tuisyen (yuran kuliah) seperti di Peranchis dan di Jerman.

KELOMPOK IV: PENGAJIAN MELAYU DALAM SISTEM FEDERAL

Kalau kita melihat lagi pada peta Eropah di tengah malam yang dilengkapi dengan simbol untuk Pengajian Melayu, kita melihat bahawa jumlah pusat Pengajian Melayu kini yang paling banyak di tengah Eropah, di tempat-tempat yang cukup terang pada malam hari, iaitu di Jerman. Apa sebabnya?

Seperti diketahui, Jerman pernah melalui satu fasa dalam sejarahnya dengan kediktatoran yang jahat. Maka, selepas Perang Dunia Kedua, orang Jerman rata-rata tidak percaya lagi pada kearifan mutlak sesebuah pusat. Justeru dalam bidang budaya, agama, pendidikan, pendidikan tinggi, penyalahgunaan kekuasaan terlalu besar semasa kediktatoran, sehingga bidang-bidang itu kini sepenuhnya diletakkan di bawah kekuasaan negeri. Pusat sama sekali tidak lagi diberi wewenang dalam bidang itu. Pada tahun 2010, terdapat 142 universiti dan 276 kolej universiti di bawah 16 negeri otonomi. Setiap negeri mempunyai titik berat strategi sendiri, termasuk dalam Pengajian Kawasan dan Pengajian Melayu.

Kini, di Jerman terdapat sekurang-kurangnya 13 universiti di sembilan negeri yang menawarkan bahasa Melayu (Indonesia). Untuk perbandingan: oleh kerana sistem berbeza, di Peranchis terdapat tiga universiti dengan Pengajian Melayu, di Rusia dua, dan di Belanda dan U.K. satu masing-masing. Negeri-negeri Jerman yang otonom dan yang tidak melakukan koordinasi dalam hal ini, menciptakan segala macam kombinasi dan variasi dalam Pengajian Melayu. Misalnya, yang menawarkan BA mahupun MA dalam Pengajian Asia Tenggara adalah Universiti Hamburg dan Universiti Frankfurt. Sedangkan Universiti Bonn, Universiti Berlin, dan Universiti Passau menawarkan hanya MA dalam Pengajian Asia Tenggara, dan BA dalam program lain (dengan unsur bahasa dan budaya Asia Tenggara). Di semua tempat itu ada titik berat yang berbeza-beza. Di Hamburg misalnya, pengajian naskah dijunjung, dibantu dengan geran penyelidikan besar. Di Frankfurt, Dunia Melayu moden difokuskan, dengan perspektif dari ilmu bahasa, sastera, media, sejarah dan politik. Di Bonn, profesornya

mempunyai kepakaran dalam antropologi, di Berlin ada beberapa profesor, dari sejarah, ilmu bahasa dan sosiologi. Di Passau, sosiologi Thailand dan studi bandingan Indonesia dan India diutamakan. Lagipula ada sejumlah universiti lain yang menawarkan bahasa Melayu (Indonesia) dalam antropologi, seperti di Göttingen, Münster dan Heidelberg. Kombinasi Pengajian Melayu dan bisnes / ekonomi ditawarkan di tiga universiti baharu, iaitu di Passau, Konstanz dan Bremen. Di samping itu juga terdapat filologi Indonesia-Melayu dalam konteks Pengajian Islam di Cologne, dan di Leipzig bahasa Indonesia ditawarkan di Pusat Bahasa universiti. Kalau kita membandingkan aneka aktiviti dan program itu dengan situasi pada tahun 1920-an ataupun dengan situasi di negara jiran, maka kita harus menyedari bahawa pada hakikatnya sistem federal yang menghasilkan kepelbagaian itu. Situasi mirip dalam hampir semua bidang studi yang lain. Selalu terdapat beberapa atau sedikit banyak tempat di Jerman yang sedang aktif dalam bidang tertentu itu, justera kerana tidak ada koordinasi dan streamlining. Profesor di Jerman biasanya dilantik seumur hidup, dan dengan jaminan bahawa program studinya akan dipelihara hingga mereka bersara, termasuk jaminan jumlah pensyarah tertentu dalam bidang itu. Oleh kerana itu syok-syok jangka pendek seperti krisis Asia atau persepsi krisis di Indonesia tidak mungkin sampai menghapuskan bidang Pengajian Melayu di Jerman. Malah, oleh kerana ada 16 menteri yang boleh dihubungi dan dilobi, dalam fasa yang bagus biasanya bidang kecil seperti bidang kita boleh berkembang dengan lebih mudah. Walhasil, terdapat aneka variasi dan kombinasi dalam Pengajian Melayu yang pada dasarnya dijamin oleh konstitusi dan sistem negara federal. Oleh kerana kelembagaan amat tidak mudah untuk diubah, maka masa hadapan untuk Pengajian Melayu di Jerman secara keseluruhan cukup positif. Namun, oleh kerana 16 negeri yang menentukan masing-masing, maka perlu dilihat setiap negeri secara terpisah.

CONTOH: PENGAJIAN MELAYU DI FRANKFURT

Sebagai contoh perkembangan Pengajian Melayu di salah satu negeri Jerman, saya mengambil kes Pengajian Melayu di Universiti Frankfurt, yang berada di negeri Hessen. Negeri itu mempunyai sekitar 6.1 juta penduduk (untuk perbandingan: jumlah penduduk Singapura merupakan 5.3 juta). Negeri itu membiayai 13 universiti, semua tanpa tuisyen (yuran

kuliah). Di bawah pemerintah negeri itu, ada program baru untuk membangun kampus dan gedung universiti baharu di seluruh negeri, dengan belanja 3.5 bilion Euro (5.9 bilion SGD), dalam masa 2007-2010. Universiti Frankfurt mendapat 1.3 bilion Euro untuk dua kampus baharu, satu untuk sains, satu untuk ilmu kamanusiaan dan sains sosial. Jadi, Pengajian Melayu di Frankfurt akan pindah dalam beberapa tahun ke tempat baharu yang cukup bagus. Di samping itu, pemerintah negeri mula menyokong pengajian kawasan (*area studies*) secara khas pada sekitar 2008. Di tiga universiti di Utara, Tengah dan Selatan negeri Hessen, ditubuhkan Pusat-pusat Pengajian Kawasan. Di Universiti Marburg, bidangnya Timur Tengah dan India. Di Universiti Giessen, Eropah Bahagian Timur. Dan di Universiti Frankfurt, Asia Timur dan Tenggara. Masing-masing Pusat Pengajian Kawasan dapat sokongan khas untuk melantik ahli tidak hanya dalam bidang bahasa dan sastera, tetapi juga dalam bidang sains sosial, ekonomi dan undang-undang. Di Frankfurt, misalnya, kini terdapat sekitar 50 pensyarah tentang Asia Timur dan Asia Tenggara. Di antaranya, lima profesor untuk China, empat untuk Jepun, satu untuk Korea, dan dua untuk Asia Tenggara, khususnya Dunia Melayu.

Pengajian Asia Tenggara di Frankfurt kini ada sekitar 14 pensyarah (sepenuh masa atau sambilan), yang meliputi ilmu bahasa, sastera, media, sejarah, politik, ugama Islam, budaya dan seni, khususnya di Indonesia dan Malaysia. Di samping itu juga ada bahasa dan budaya Thai dan Vietnam. Tentu, pustakawan pandai bahasa Melayu, dan beliau malah pandai membaca tulisan Jawi. Oleh kerana ada banyak kawan lain dalam Jabatan lain, misalnya antropologi atau ilmu politik, yang tertarik pada Asia Tenggara, maka kami telah menubuhkan Jaringan Asia Tenggara di kawasan sungai Rhine-Main, untuk saling menyokong dan melengkapi. Misalnya, kalau ada Duta Besar atau tamu penting yang lain, ahli Jaringan itu juga dijemput ikut.

Pada saat ini ada sekitar 120 pelajar. Pada Tahun Akademik 2012/13, terdapat sekitar 50-60 pelajar baru dalam kuliah bahasa Indonesia di Frankfurt. Hal yang sama juga diberitakan dari Bonn, Berlin dan Passau, sedangkan Hamburg ada sekitar 40. Diharapkan bahawa pada semester winter yang akan mula pada bulan Oktober ini, jumlah pelajar baru akan kurang-lebih sama. Oleh kerana secara keseluruhan terdapat 13 universiti yang menawarkan bahasa Indonesia, boleh dikatakan bahawa setiap tahun

ada ratusan pelajar baru yang belajar bahasa Indonesia/Melayu. Dari penulis sebuah buku pengantar bahasa Indonesia untuk penutur bahasa Jerman saya mendengar bahawa bukunya terjual sebanyak 5,000 naskhah pada tahun 2000 hingga 2013. Itu hanya satu buku pengantar bahasa Indonesia di antara empat atau lima yang digunakan, sehingga jumlah orang Jerman yang belajar bahasa Indonesia sejak tahun 2,000 sahaja pasti lebih daripada 10,000 orang, mungkin 20,000.

Kenapa begitu banyak orang di Jerman ingin belajar tentang Indonesia dan Dunia Melayu? Secara am, mereka tertarik pada budaya, media, politik, ekonomi, seni, sastera dan sejarah. Sering ada pameran seni, Malam Budaya Indonesia, musik gamelan dll. di hampir setiap bandar besar di Jerman. Kegiatan-kegiatan itu biasanya diurus oleh aneka Kelab Persahabatan yang biasanya bekerjasama dengan Kedutaan Besar dan Konsulat Jeneral dari negara-negara ASEAN di tempat masing-masing. Yang juga amat penting bahawa media di Jerman meliputi dunia di luar Europah secara intensif, termasuk Asia Tenggara. Sering ada filem tentang budaya dan alam yang indah di Asia Tenggara, tentang keadaan politik dan tentang kebangkitan ekonomi. Semua itu menarik orang muda untuk belajar tentang Dunia Melayu di peringkat universiti. Oleh kerana sistem pendidikan yang bersifat federal, maka kepelbagaian program besar, sehingga juga minat pelajar yang sedikit luar biasa boleh dipatuhi. Misalnya, para pelajar di Frankfurt tahun ini ingin tahu lebih banyak tentang Jawa, sehingga mereka sendiri mengurus yang disebut sebagai “Hari Jawa”. Itu satu hari penuh kegiatan, dari tarian Jawa, ke ceramah tentang situasi *recycling* di Jakarta, ke musik Jawa ke makanan Jawa. Yang bagus, mereka mencari dana untuk Hari Jawa itu sendiri dari satu anggaran khas dari universiti, termasuk untuk tutorial bahasa Jawa. Dan Konsulat Jeneral Indonesia dan masyarakat Indonesia di Frankfurt juga ikut menyokong dengan pelbagai cara, sehingga mencari satu pesta bersama, dengan ratusan orang.

Walaupun ada banyak hal yang positif, biasanya sistem pendidikan tinggi federal seperti di Jerman ada satu kelemahan besar, iaitu perpustakaan untuk bidang-bidang yang sedikit langka atau yang baru. Walaupun perpustakaan umum Universiti Frankfurt mempunyai sekitar lapan juta

buku, buku-buku tentang Asia Tenggara pada permulaannya tidak begitu banyak kerana Pengajian Asia Tenggara di Frankfurt baru didirikan pada awal tahun 1980-an. Namun, kini sudah terdapat sedikit 52,000 buku tentang Asia Tenggara di dalam perpustakaan kami. Di antaranya, sekitar 10,000 tentang Malaysia, sekitar 30,000 tentang Indonesia, dan sekitar 1,000 tentang Brunei. Oleh kerana koleksi Profesor Kratz dari SOAS masuk pada tahun lepas, kini sastera Melayu/Indonesia cukup bagus diwakili di perpustakaan di Frankfurt. Semua buku boleh digunakan dan dirujuk oleh siapa sahaja, selama tujuh hari seminggu. Pasti, sering ada tamu penyelidik dari Asia Tenggara.

KESIMPULAN

Seperti kita melihat dalam ceramah ini, secara garis besar, kita sedang mengalami kebangkitan bahasa Melayu kerana Dunia Melayu bangkit. Khususnya perkembangan di Indonesia cukup positif selepas krisis kepercayaan, krisis politik dan krisis ekonomi pada tahun 2000-an. Kebangkitan bahasa Melayu dan Dunia Melayu seiring dengan kebangkitan bahasa dan negara lain dalam fasa globalisasi ini. Contoh yang paling populer adalah kebangkitan China, tetapi juga bahasa Sepanyol, Portugis, Parsi, Arab dan Turki semakin penting.

Sistem pendidikan tinggi antarabangsa sudah mula menjawab pada kebangkitan Dunia Melayu itu, khususnya di negara sentralis seperti Perancis dan Rusia atau di negara federal seperti Jerman. Di situ kita boleh melihat bagaimana imej Dunia Melayu semakin positif dan semakin menarik perhatian pelajar dan penyelidik. Namun, selama ini, trend positif itu tidak dapat dilihat di Inggeris mahupun di Belanda. Kedua negara bekas penjajah itu mungkin belum lepas dari persepsi lama, yang mbingkai Dunia Melayu sebagai kawasan yang kurang maju dan kurang menarik, atau yang hanya menarik kerana pernah ada sejarah kolonial. Harapan untuk masa hadapan adalah bahawa persepsi lama itu dapat diatasi satu ketika nanti, dan pelajar muda di negara berkenaan ingin belajar tentang Asia Tenggara yang sebenarnya. Kalau perubahan persepsi itu terjadi, justeru sistem pendidikan tinggi yang berorientasikan pasaran boleh menyaksikan perkembangan Pengajian Melayu yang pesat, yang tidak

mungkin dalam system pendidikan tinggi yang kurang fleksibel. Sekian, terima kasih banyak.

¹ Bandingkan Milner (1995: 102, 112) dan Van der Putten dan Barnard (2007: 246).

² Bandingkan Van der Putten dan Barnard (2007) untuk fasa-fasa penggunaan simbol itu dalam sejarah filem dan komik di Malaysia pada kurun ke-20.

³ Bandingkan Translated (2013).

RUJUKAN

- Duff, Malcolm. 2012. "Translation, the most accurate all-around economic indicator", <http://www.business2community.com/finance/translation-the-most-accurate-all-around-economic-indicator-0271143> (diakses 27 Ogos 2013).
- Milner, Anthony. 1995. *The invention of politics in colonial Malaya: contesting nationalism and the expansion of the public sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Muhammad Haji Salleh. 2003. "Hang Tuah Bercakap Orang Puteh: Terjemahan dan Penjelmaan Hang Tuah dalam Bahasa Eropah", kertaskerja Seminar Kebangsaan Hang Tuah, Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://eprints.usm.my/13/1/MHS1.pdf> (diakses 27 Ogos 2013).
- Translated. 2013. "T-Index 2012, the markets that matter on the web", <http://www.translated.net/en/languages-thatmatter?sortBy=languages#results> (diakses 27 Ogos 2013).
- Van der Puten, Jan, dan Timothy Barnard. 2007. "Old Malay heroes never die - the story of Hang Tuah in films and comics", dlm. Ian Gordon, Mark Ancovich dan Matthew P McAllister, peny.: *Film and comic books*. Jackson: University Press of Mississippi, hal. 246-267.



TANYA JAWAB



Soalan 1

Saya Cikgu Hafizah Nordin dari Sekolah Menengah Chua Chu Kang. Bila dan bagaimana Prof berminat dan jatuh cinta pada Bahasa Melayu.

Jawapan

Terima kasih banyak di atas soalan yang ditanyakan. Ada dua jawapan. Jawapan yang pendek dan lucu. Semasa saya bersekolah, saya pernah dijemput makan di restoran Indonesia. Makanannya sangat sedap dan saya jatuh cinta pada dunia Melayu. Yang kedua memang kemudian waktu saya berfikir mahu belajar apa dalam diri saya, saya mahu belajar bahasa. Untuk pertanyaan mahu belajar bahasa apa, kalau bahasa Russia terlalu tertutup. Kalau bahasa Peranchis maupun Inggeris, tidak begitu menarik. Saya mahu belajar sebuah bahasa yang mengandungi harapan-harapan dan falsafah-falsafah yang lain. Jadi saya memang melihat daripada falsafah dan pandangan hidup orang lain melalui bahasa. Jadi, titik pertama yang saya pelajari ialah bahasa Sanskrit di mana kita boleh menggali pandangan hidup orang lain. Kita juga ada aspek praktis yang kita gabungkan dengan politik dan ekonomi dalam pengajian Melayu.

Soalan 2

Saya Cikgu Ibrahim Fergo dari Sekolah Rendah Shuqun. Prof tidak menunjukkan kota Singapura, Malaysia dan Brunei pada waktu malam. Jadi saya terfikir apakah yang harus orang Melayu buat atau lakukan supaya tidak menjadi seperti negeri-negeri Eropah yang gagal dalam globalisasi? Terima kasih.

Jawapan

Sebenarnya, apa yang terjadi di Sepanyol dan Portugis kedua-duanya adalah dua empayar yang besar. Kemudian mungkin mereka tidak memikirkan tentang inovasi untuk mengekalkan acara-acara yang lama. Itu yang terjadi di Sepanyol kekurangan inovasi selama beratus tahun sehingga akhirnya Amerika Syarikat beroleh kemenangan menerusi peperangan dengan Sepanyol dan mengambil Filipina daripada Sepanyol dan Filipina tidak mempunyai kesempatan untuk membela diri mereka sendiri. Rasanya Sepanyol kekurangan inovasi selama 100 atau 200 tahun. Jadi kalau dunia Melayu keluar dari dunia penjajahan, kalau mahu

melihat kemerdekaan dan mahu berkembang cara yang bagus adalah dengan mementingkan inovasi. Jadikan semacam dulu, Laksamana Hang Tuah itu seorang wira dalam zaman Melayu yang mementingkan inovasi. Dia amat terbuka. Ini satu perkara yang baik dalam alam Melayu yang terbuka kepada dunia. Saya rasa itu adalah cara yang paling aman untuk boleh bertahan di dunia globalisasi. Kalau hanya mahu melihat ke dalam diri mengurung sikap keluar pasti sukar untuk berkembang. Jadi saya rasa apa yang kita alami saat ini, negara-negara Eropah yang mengalaminya itu semuanya mempunyai masalah dengan inovasi.

Soalan 3

Saya Cikgu Kamsani Raoh dari Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim. Saya tertarik sebagai orang Melayu, penutur jati Bahasa Melayu. Saya ragu masa hadapan Bahasa Melayu, saya khuatir, mungkin hanya persepsi saya. Melayu mungkin ada, Bahasa Melayu mungkin tidak ada. Saya minta komen daripada Prof Arndt Graf. Cuma saya terfikir semasa duduk di sana tadi adakah semacam tawaran kepada Singapura bagi Kementerian Pendidikan Singapura, menawarkan kepada guru-guru yang berminat untuk membuat kajian lapangan di sana di mana tidak ada kos bagi tuisyen dan sebagainya. Itu merupakan satu daya tarikan. Kalau saya, saya rasa saya akan terima walaupun saya seorang guru persara.

Jawapan

Hal ini sudah berlaku di Malaysia. Orang Melayunya ada tetapi menggunakan bahasa Inggeris juga di rumah. Ini satu perkara yang menyedihkan, mengkuatirkan kerana mereka menutup peluang bagi anak mereka untuk turut ikut dalam kebangkitan dunia Melayu. Apa yang kita saksikan dalam 15 tahun yang lalu ialah di Malaysia dan Indonesia mengalami satu krisis transformasi tetapi sekarang cukup aman dan negaranya utuh dan tidak ada krisis ekonomi yang besar-besar. Pasti ada masalah yang kecil-kecil tetapi masalah itu berlaku di mana-mana juga. Yang penting ialah proses untuk menangani masalah-masalah hidup. Jadi secara keseluruhan, saya rasa itu merupakan dasar mengapa Malaysia itu bangkit secara ekonomi kerana pertanyaan-pertanyaan politik yang besar sudah diselesaikan. Dan itu merupakan trend yang besar sekali di Asia Tenggara dalam masa hadapan. Ada lambang-lambang mengatakan

bahawa Indonesia sudah memasuki fasa kebangkitan atau perkembangan ekonomi yang terus-menerus seperti dahulu di Korea, Jepun atau China atau Taiwan dahulu. Maknanya Indonesia sekarang sudah masuk fasa itu. Dan ini bukan bermakna berakhir esok atau lusa. Saya dan teman-teman saya berpendapat bahawa ini akan menjadi satu trend yang amat besar sekali. Dan orang Melayu atau orang tua yang memutuskan untuk tidak lagi menggunakan bahasa Melayu di rumah menghindari anak mereka untuk nanti ikut dalam proses yang maha besar di Asia Tenggara ini. Begitu juga ada banyak peluang bagi orang Melayu di Singapura kalau masih berbahasa Melayu. Iaitu boleh menjadi penghubung. Singapura mempunyai industri dasar, banyak kapal yang amat canggih yang boleh berguna untuk Indonesia dan orang Melayu Singapura yang kenal sistem di Singapura dan fasih berbahasa Indonesia mempunyai satu peluang alamiah untuk menanti peluang. Ini akan menguntungkan ekonomi negara Singapura tetapi juga keadaan di Indonesia dan terutama posisi kaum Melayu kini di Singapura. Kalau orang tua itu pandai melihat ke masa depan, tapi kalau mereka hanya ikut akan hal dalam semua dalam Bahasa Inggeris itu tentu sahaja mereka melihat tidak ada masa depan untuk anak-anak mereka. Itu bahagian yang pertama.

Yang kedua, dengan senang hati dengan suka cita kami ingin bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Singapura termasuk dengan Pusat Bahasa dan juga bahagian-bahagian yang lain kami senang dan amat rasa dihormati kalau ada pihak dari dunia Melayu yang mahu datang sebagai profesor, sebagai penyelidik, sebagai pelajar, diberikan biasiswa. Maka kursus kami ditawarkan dalam bahasa Inggeris. Jadi kami ada banyak pilihan bagi yang datang dari dunia Melayu yang mahu melanjutkan pelajaran dan studi di sana termasuk untuk orang Singapura. Semuanya percuma. Kami di universiti di Jerman melihat ilmu. Ilmu penting. Inovasi pun penting. Wang juga penting, tetapi wang itu datang dari sana dan negara itu memberi sokongan yang besar. Mengapa, kerana kami tidak mempunyai sumber alam. Yang ada hanya idea. Kalau ada orang yang membawa idea baharu itu bagus sekali untuk masyarakat di Jerman.

Soalan 4

Saya Cikgu Syed Abdillah bin Said Ali dari Sekolah Menengah Assumption English. Apakah cabaran utama yang Prof hadapi ketika mempelajari bahasa Melayu? Apakah keistimewaan yang ada dalam bahasa Melayu yang Prof rasakan berbanding dengan bahasa-bahasa lain yang pernah Prof pelajari?

Jawapan

Bagi orang Jerman, masalah yang dihadapi sama seperti orang Jerman belajar bahasa Inggeris. Jadi pada permulaan cukup mudah. Kita boleh bertanya apa khabar? *How are you?* Tetapi kemudian menjadi lebih sukar. Kalau kami mahu menulis makalah akademik dalam bahasa Inggeris mudah sekali. Sama juga kalau kami mahu menyampaikan ceramah dalam bahasa Melayu, susah atau kami mahu menulis satu makalah dalam bahasa Melayu lagi sukar. Kalau kami mahu mengajar dalam bahasa Melayu susah. Jadi ada beberapa tingkat dalam pembelajaran bahasa yang harus dilalui. Itulah cabaran yang besar yang saya hadapi.

Yang berbeza, yang menarik dalam dunia Melayu adalah humor yang juga masuk dalam bahasa. Kalau mahu bersopan santun dalam bahasa Melayu sepatutnya memasukkan sedikit humor. Kalau tidak rasa kurang enak. Ini juga salah satu sikap rendah hati mungkin, kita tahu menggunakan humor. Dan itu mungkin tidak ada kalau kita menggunakan bahasa Inggeris. Itu budaya yang sedikit berbeza.

Soalan 5

Saya Cikgu Rositah Yusof dari Sekolah Rendah Pei Hwa. Zaman globalisasi menjadikan penguasaan bahasa Melayu semakin lama semakin luntur. Bagaimanakah cara melestarikan Bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda kita?

Jawapan

Sebenarnya pertanyaan itu harus ditanyakan kepada para cikgu yang ada di sini. Pasti sekolah-sekolah mempunyai bahan-bahan yang cukup dan juga media juga pihak politik dan pihak pemerintah yang menitikberatkan pengajaran bahasa Melayu termasuk penubuhan Pusat Bahasa Melayu

Singapura. Pada akhirnya mungkin memerlukan satu usaha bersama semua pihak yang berbeza termasuk juga para ulama, pengarang, penulis ... semuanya itu harus memainkan peranan masing-masing. Mungkin dari sudut yang lain, Encik Mohamed Noh Daipi yang lebih tahu bukan saya.

Soalan 6

Saya Prof Hadijah Rahmat dari Institut Pendidikan Nasional. Tahniah buat Prof kerana perkongsian yang memberikan kita satu gambaran yang menyeluruh mengenai sejarah dan pesatnya pengajian Melayu pada masa ini. Saya tertarik dengan model yang diketengahkan, yang satu model UK yang bergantung kepada pasaran dan model Rusia dan Jerman yang menekankan komitmen pemerintah dalam pelajaran dan juga memastikan potensi itu. Jadi menurut pengalaman Prof Arndt Graf yang sangat luas di Eropah dan juga di Malaysia, di Indonesia, mungkin Prof boleh berikan semacam pandangan apa yang terbaik untuk Singapura sebab kami juga mahu mengembangkan program pengajian kami dan apa yang kami pelajari daripada pengalaman di Eropah tersebut. Terima kasih.

Jawapan

Terima kasih banyak di atas pertanyaan tadi. Sebenarnya memalukan kerana saya tidak tahu apa yang harus dipelajari oleh orang Singapura. Kalau ingat orang Jerman kerana jauh dari dunia Melayu kami harus mula dengan bahasa Melayu. Itu penting sekali kerana tanpa mengetahui bahasa Melayu bagaimana kami boleh memahami budayanya. Tetapi hal itu tidak perlu dalam kalangan orang Melayu sendiri. Jadi adalah satu kelebihan. Seterusnya, kami bersaing dengan kerajaan China, Jepun mahu pun dari Korea. Waktu saya menerangkan tentang kurikulum untuk BA atau MA dan juga memikirkan apa yang boleh menarik perhatian para pelajar, bukan sahaja apa yang ingin saya buat tetapi minat mereka. Jadi salah satu cara, ada banyak yang tertarik pada warisan sejarah Hindu, pada Jawa dan Bali ada... tapi itu bukanlah satu-satunya cara. Kami sebenarnya memfokuskan secara sistematik pada sejarah sampai kemerdekaan dan selepas kemerdekaan. Sekarang ini memfokuskan pada sastera lama, sastera moden. Kami juga ada satu syarat iaitu kalau mahu belajar bahasa itu di peringkat tinggi, harus juga belajar salah satu bahasa asing misalnya bahasa kuno atau bahasa klasik kerana belajar bahasa Melayu bukan

sahaja belajar sebagai satu tradisi tetapi juga merupakan satu kajian yang melibatkan saat yang panjang sekali dan masih relevan termasuk Hang Tuah. Tetapi yang paling utama ialah kajian itu menggabungkan pengajian bahasa dengan misalnya belajar bahasa dengan kaitannya dengan politik atau ekonomi di Malaysia. Jadi mereka nanti sebagai alumni, mungkin boleh bertugas sebagai wartawan, sebagai diplomat, sebagai orang yang bertugas di syarikat bahasa Melayu yang tahu serba sedikit mengenai dunia Melayu tetapi juga boleh menulis, boleh memberikan penyampaian dalam bahasa Melayu.

Soalan 7

Encik Mohamed Noh Daipi, Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura menanyakan apakah bahan-bahan yang digunakan di universiti di Eropah dalam bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi pelajaran Bahasa Melayu asas dan kemudiannya ke peringkat yang lebih tinggi dalam membina keahlian dalam Bahasa Melayu?

Jawapan

Saya dahulu belajar menggunakan bahan-bahan dari negara Malaysia, dari Australia yang sebenarnya digunakan juga oleh guru-guru bahasa saya mengajar bahasa Melayu, terus sahaja mengajar bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu Malaysia bermula dari minggu pertama lagi. Dan sekarang ini ditambah lagi menggunakan bahan-bahan dari Australia dan dicampur lagi dengan buku dalam bahasa Jerman dengan tatabahasa Melayu. Tetapi yang sebenarnya digunakan adalah buku milik peribadi dari sami budha dari kakek saya 400 tahun lalu. Kata orang, apa boleh buat bukan?

Soalan 8

Cikgu Latifah Hassan dari Sekolah Menengah Chua Chu Kang. Pada pandangan Prof, apakah yang boleh kita lakukan untuk menghidupkan semula bahasa dialek seperti bahasa Jawa, Bawean dan sebagainya?

Jawapan

Di Singapura, ramai orang yang datang dari kawasan atau daerah seperti orang Jawa tidak boleh lagi bertutur dalam bahasa Jawa. Kalau penutur Melayu pun sudah tidak boleh bertutur dalam bahasa dialek bagaimana pula dengan saya? Kalau di Indonesia, bahasa Jawa penuturnya banyak dan besar tetapi bahasa Indonesia yang digunakan oleh negara Indonesia. Jadi tidak ada jawapan yang mudah kerana pada akhirnya orang muda sendiri yang mengambil keputusan untuk tidak berbahasa Jawa atau bahasa-bahasa yang lain. Salah satu cara yang boleh dilakukan dengan tetap menggunakan bahasa itu contohnya bahasa Melayu di rumah. Itu yang penting dan dengan demikian kita boleh menyampaikan bahasa itu dari satu generasi ke generasi yang lain.

Soalan 9

Saya Sazali Sahri dari Sekolah Menengah Jurong Ville. Berhubung dengan soalan yang diajukan oleh Prof Khadijah tadi, pendidikan di Inggeris atau di Eropah, mereka menggunakan *Educational Reform* pada tahun 1988 yang mengatakan bahawa pendidikan menurut pasaran dan mahasiswa perlu membayar yuran sehingga £9,000 untuk mendapat ijazah. Jadi soalan saya, mungkin ada kelemahan atau kegagalan dari segi pendidikan di Inggeris atau Eropah memandangkan sekarang 1 daripada 4 pelajar dari sekolah rendah naik ke menengah tidak boleh menulis Bahasa Inggeris dengan baik di England. Jadi soalan saya, adakah pendidikan di Jerman mengadakan pembelajaran Bahasa kedua sebagai subjek yang mesti dipelajari dari segi kurikulum? Mohon pandangan Prof mengenai hal ini.

Jawapan

Terima kasih. Susah sekali untuk memberi komen mengenai Inggeris atau UK. Kalau di Jerman ada 16 sistem pendidikan. Tidak ada yang sama. Satu bahasa asing itu untuk seorang mempelajarinya amat digalakkan. Untuk orang yang belajar selama 6 tahun di sekolah mereka hanya perlu belajar satu bahasa. Untuk orang yang belajar 10 tahun di sekolah, mereka perlu belajar dua bahasa, bahasa Inggeris atau bahasa Perancis paling banyak. Untuk orang yang nanti akan belajar hingga ke universiti seperti saya, kami perlu belajar 3 bahasa di peringkat sekolah. Kami belajar bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Latin pada

waktu itu. Di peringkat itu kami belajar bahasa mengikut bidang tertentu seperti satu bidang bahasa, satu bidang sains, satu lagi tentang ekonomi, tentang seni dan muzik. Ada sekolah khas yang memberikan tumpuan pada bidang ini. Seperti saya yang akan ke universiti telah dipupuk dari awalnya dari umur 10 ke 11 tahun dengan secara khusus. Mata pelajaran yang dipelajari berlebihan jika dibandingkan dengan yang lain termasuk bidang seni dan muzik. Dengan ini, kalau kami masuk ke universiti, mungkin kami sudah ada kelebihan kalau dibandingkan dengan pelajar dari negara lain dari segi bahasa. Semua mata kuliah tidak sama. Ini berlaku di Jerman yang ingin menjadi satu sistem pendidikan mana yang lebih hebat atau yang benar. Tetapi yang terakhir sekali, apa yang sebenarnya posisi yang dikuasai oleh parti konservatif kerana mereka mengamalkan setiap pelajar harus mendapatkan tawaran mata kuliah yang sesuai dengan bakatnya. Dan kalau ada bakatnya pada bahasa, lebih banyak mata kuliah pada bahasa, dan kalau sains, lebih banyak mata kuliah bagi bidang sains. Maka itulah yang berlaku di Jerman. Kalau di England, lain sekali di England. Dan secara dasarnya, peranan pemerintah dalam sistem pendidikan memainkan peranan penting. Kalau di Inggeris, pasaran itu yang harus menentukan dan mereka semakin menurun atau menarik diri sedangkan di Jerman, pemerintah itu yang menentukan arah pendidikannya.

Soalan 10

Saya Cikgu Nuraini Ismail dari Sekolah Menengah Perempuan Cedar. Saya terpanggil untuk menanyakan soalan ini. Di Frankfurt Universiti di Goethe, banyak naskah lama merupakan naskah Jawa Kuno. Adakah Prof berura-ura untuk mendapatkan naskah-naskah Melayu kuno daripada universiti-universiti yang telah dibubarkan dan menjadikan Universiti Goethe ini sebagai satu hab pangkalan data untuk kita mendapatkan buku-buku atau naskah-naskah yang ada.

Jawapan

Sayang sekali, kita hanya mempunyai 34 buah manuskrip Melayu termasuk satu dalam tulisan Bugis di Frankfurt dan juga di universiti di Jerman yang lain. Khazanah tentang manuskrip Melayu amat kurang sekali di Jerman berbanding dengan negara Inggeris atau pun Belanda. Hampir tidak

mungkin bagi arkib Inggeris atau Belanda mahu memberikan bahan-bahan arkid kepada Jerman walaupun universiti-universiti itu telah ditutup.

Soalan 11

Saya Cikgu Siti Norlizan Binte Syed Abdul Karim dari Sekolah Rendah Nan Chiau. Singapura sedang dalam proses mengembangkan dan melestarikan Bahasa Melayu. Di tahap apakah yang perlu dipentingkan atau diberikan prioriti, adakah memperbanyakkan cendekiawan bahasa di sini atau memulakan dengan memberikan insentif dari awal seperti di rumah, di sekolah rendah dan mengapakah atau perlukan ia diberikan kepentingan secara tersendiri dan mengapakah Prof rasakan begitu?

Jawapan

Singapura sebagai sebuah negara yang merdeka, mengurus rumah tangganya sendiri termasuk tentang politik dan aspek Bahasa di Singapura. Kerana, sebagai sebuah negara maju, negara yang mempunyai banyak Bahasa, banyak kaum, itu tentu jadi suatu masalah yang sebaiknya ditangani oleh pihak pemerintah. Secara umum yang bagus itu kalau pihak orang tua menggunakan bahasa Melayu di rumahnya. Kalau usaha-usaha cikgu di sekolah-sekolah menggunakan bahasa Melayu di sekolah-sekolah seperti yang saya lihat semalam di Sekolah Rendah Endeavour dan Sekolah Menengah Woodlands Ring kita selalu juga untuk menggunakan bahasa Melayu kerana kadang-kadang ada kanak-kanak remaja yang tidak begitu sempurna dari segi penggunaan bahasa Melayu. Jadi ada fenomena *co-teaching*, ada fenomena dari segi aspek tatabahasa yang boleh saya amati semalam. Jadi itulah memang satu cabaran yang cikgu-cikgu bahasa Melayu yang ada di sini kerana perlu menghadapi masalah itu setiap hari di sekolah. Cikgu-cikgu juga boleh meningkatkan kesedaran bahawa memang bahasa Melayu tidak akan hilang di dunia, sebaliknya kini sedang bangkit. Kalau Bahasa itu dibiarkan untuk mati, rasa sayang, kasihan anak-anak kita tidak lagi berpeluang untuk ikut dalam kebangkitan dunia Melayu yang sedang berlangsung. Itu mungkin apa yang dapat saya katakan di sini.

PROFESOR DR ARNDT GRAF



